



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 MEI 2026 (JUMAAT)

Sultan Sharafuddin tak Berkenan Penternakan Babi di Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	14	8 Mei



Sultan Sharafuddin tak berkenan penternakan babi di Selangor

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, kekal dengan pendirian baginda yang tidak berkenan kepada sebarang aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di seluruh negeri ini.

Pendirian itu diumumkan menerusi kenyataan media yang dikeluarkan Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani, sambil mengingatkan bahawa perkara sama sudah ditegaskan Sultan Sharafuddin dalam kenyataan media pada 10 Februari lalu.

Susulan pendirian tegas itu juga, baginda menitahkan agar isu penternakan babi di Selangor

or dihentikan dan dimuktamadkan sepenuhnya (full stop) demi mengelak keresahan masyarakat serta memastikan keamanan dan keharmonian rakyat terus terpelihara.

"Pendirian tersebut dibuat setelah mengambil kira implikasi penternakan babi yang boleh menyebabkan pencemaran pada tanah, udara dan risiko pencemaran sumber air sungai melalui pelepasan najis dan sisa kumbahan babi," titah baginda.

Baginda menzahirkan kebimbangan bahawa aktiviti berkenaan boleh menjejaskan kawasan tadahan air serta sungai-sungai

yang menjadi sumber bekalan air bersih kepada penduduk kira-kira 9 juta penduduk di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Selain itu, kaedah penternakan moden yang mematuhi piawaian memerlukan kos yang amat tinggi dan tidak praktikal serta tidak mungkin dapat dilaksanakan hanya bagi memenuhi bekalan daging babi di Selangor sahaja," titah baginda menerusi kenyataan media semalam.

Sultan Sharafuddin mencadangkan agar daging babi diimport dari negeri lain seperti Sarawak, bagi memenuhi keperluan




luan masyarakat bukan Islam di Selangor.

Titah baginda, negara maju seperti Singapura juga tidak menternak babi sebaliknya mengimport keperluan itu dari luar.

Sultan Selangor berpandangan penternakan babi berskala besar mahupun kecil adalah tidak sesuai dilaksanakan di Selangor, memandangkan sumber tanah yang terhad serta nilai hartanah tinggi, yang sewajarnya dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan yang lebih ekonomik dan memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

Selangor Ruler Maintains Stand Against Pig Farming

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Nation	3	8 Mei



'No pig farms'

SULTAN Sharafuddin Idris Shah reiterates his February decree against pig farming in Selangor, saying it should cease entirely due to environmental risks, land constraints and threats to water resources.

POLLUTION RISKS

Selangor ruler maintains stand against pig farming

KUALA LUMPUR: Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah has reiterated that he does not consent to pig farming in Selangor, as he had said in a royal decree in February.

In a statement, the sultan's private secretary, Datuk Mohamad Munir Bani, said the ruler's position was made after taking into account the implications of pig farming.

These include the risk of pollution to land, air and river water sources through the discharge of

manure and wastewater.

"The sultan maintains the stand expressed in the Feb 10 press statement that he does not consent to any pig farming being carried out in any district in Selangor."

"The sultan also expressed concern that such activities could affect water catchment areas and rivers, which serve as sources of clean water supply to about nine million people in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya."

"Moreover, modern farming

methods that comply with proper standards would involve very high costs, making them impractical if used solely to meet pork demand in Selangor."

He said Sultan Sharafuddin had suggested that pork be imported from other states, such as Sarawak, to meet the needs of non-Muslims in Selangor who consume pork.

Munir added: "Even countries like Singapore do not carry out pig farming and import pork from abroad."

"The sultan of Selangor is also of the view that pig farming, whether on a large or small scale, is unsuitable in Selangor given the state's limited land resources and high property value, which should be used for more economic development that benefits society as a whole."

Munir said Sultan Sharafuddin had decreed that the issue of pig farming be brought to a full stop to avoid public unease and to ensure peace and harmony in Selangor are preserved.

Keputusan Tiada Penternakan Babi di Selangor Muktamad

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Nation	3	8 Mei

Keputusan tiada penternakan babi di Selangor muktamad

Dari muka 1

"Justeru, Baginda menca-
dangkan agar daging babi di-
import dari negeri lain seperti
Sarawak bagi memenuhi ke-
perluan masyarakat bukan Is-
lam yang makan babi di negeri
Selangor," titah baginda.

Sultan Selangor juga ber-
pandangan penternakan babi
berskala besar mahupun kecil
adalah tidak sesuai dilaksana-
kan di Selangor memandang-
kan sumber tanah yang terhad
serta nilai hartanah yang ting-
gi, yang sewajarnya diman-
faatkan untuk tujuan pemban-
gunan yang lebih ekonomik
dan memberi manfaat kepada
masyarakat secara menyelu-
ruh.


Sebelum ini, baginda men-
zahirkan dukacita apabila
masih terdapat pihak yang se-
olah-olah tidak berpuas hati dan
enggan untuk mematuhi titah
baginda berhubung larangan
penternakan babi di negeri ini.

Baginda bertitah, keputu-
san tersebut dibuat selepas
mengambil kira pelbagai fak-
tor termasuk kekangan tanah
selain kedudukan ladang ter-
nakan yang berada di kawasan
penempatan penduduk padat
dengan umat Islam.

Ia susulan insiden pada bu-
lan lalu dimana Ahli Dewan
Undangan Negeri (ADUN)
DAP Seri Kembangan, Wong
Siew Ki menggesa kerajaan
Selangor menimbang se-
mula pendekatan terhadap
penternakan babi, termasuk
meneroka sistem moden dan
terkawal.

Dia kemudian dituduh 'bia-
dab dan derhaka', dengan
pengkritik berhujah bahwa
cadangannya merupakan peng-
hinaan terhadap titah Sultan.

Menteri Besar Selangor,
Amirudin Shari berkata, semua



HANTARAN Sultan Sharafuddin Idris Shah di Facebook semalam.
- IHSAN FB SELANGOR ROYAL OFFICE

pihak termasuk Ahli Dewan
Undangan Negeri (ADUN) Se-
langor perlu memahami kon-
sep raja berperlembagaan apa-
bila Sultan Selangor membuat
teguran berhubung larangan
pembinaan ladang babi di ne-
geri ini.

Sultan Selangor, pada Febru-
ari lalu tidak memperkenalkan ak-
tiviti penternakan babi dijalan-
kan di mana-mana daerah di
negeri ini kerana menyebabkan
pencemaran teruk.

Pejabat Sultan Selangor da-

lam kenyataan berkata, aktiviti
penternakan haiwan itu me-
nyebabkan pencemaran udara
yang menyebabkan bau busuk
serta boleh mencemarkan sum-
ber air sungai akibat pelepasan
sisa kumbahannya.

Baginda menegaskan peng-
gunaan teknologi moden sekali
pun akan menyebabkan kos
yang tinggi dan mungkin mem-
beri kesukaran kepada mana-
mana penternak yang bergan-
tung kepada bekalan daging
babi bagi negeri ini sahaja.

Sultan Sharafuddin Kekal Pendirian Tidak Berkenan Aktiviti Ternakan Babi di Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	11	8 Mei

Sultan Sharafuddin kekal pendirian tidak berkenan aktiviti ternakan babi di Selangor

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kekal dengan pendirian bahawa baginda tidak berkenan sebarang aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di negeri ini.

Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, perkara itu pernah ditegaskan Sultan Sharafuddin menerusi kenyataan media 10 Februari lalu.

"Pendirian itu dibuat setelah mengambil kira implikasi penternakan babi yang boleh menyebabkan pencemaran pada tanah, udara dan risiko pencema-

ran sumber air sungai melalui pelepasan najis dan sisa kumbahan babi.

"Baginda turut menzahirkan kebimbangan bahawa aktiviti berkenaan boleh menjejaskan kawasan tadahan air serta sungai-sungai yang menjadi sumber bekalan air bersih kepada penduduk kira-kira sembilan juta penduduk di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Selain itu, kaedah penternakan moden yang mematuhi piawaian memeluk kos yang amat tinggi dan tidak praktikal serta tidak mungkin dapat di-

laksanakan hanya bagi memenuhi bekalan daging babi di Selangor sahaja, katanya dalam kenyataan, malam.

Justeru, katanya baginda mencadangkan daging babi diimport dari negeri lain seperti Sarawak bagi memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam yang memakan daging haiwan itu di Selangor.

Jelasnya, negara seperti Singapura juga tidak import daging babi dari luar.

"Sultan Selangor juga berpandangan penternakan babi berskala besar mahupun kecil adalah ti-

dak sesuai dilaksanakan di Selangor memandangkan sumber tanah yang terhad serta nilai hartanah yang tinggi, yang sewajarnya dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan yang lebih ekonomik dan memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

"Sehubungan itu, Sultan Selangor menegaskan isu penternakan babi ini dihentikan dan dimuktamadkan sepenuhnya (full stop) demi mengelakkan keresahan masyarakat serta memastikan keamanan dan keharmonian rakyat di Selangor terus terpelihara," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR